

RM92 juta untuk atasi banjir kilat di ibu negara

KUALA LUMPUR 24 Mei - Sebanyak RM92 juta diperlukan bagi menggantikan paip dan menaik taraf kolam takungan banjir bagi memastikan banjir kilat yang berlaku di ibu negara pada 12 Mei lalu tidak berulang.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, kos sebanyak RM35 juta diperlukan bagi kerja-kerja mengganti paip sedia ada di Taman Botani Perdana dan membina kolam takungan banjir berhampiran Jalan Tuanku Abdul Halim.

Beliau memberitahu, bagi mengatasi masalah banjir kilat berhampiran Universiti Malaya (UM) pula, kerja-kerja mendalam dan menaik taraf kolam takungan banjir di uni-

versiti berkenaan serta membina rumah pam diperlukan dengan kos anggaran RM50 juta.

“Sebanyak RM2 juta pula diperlukan bagi membuat lencongan trafik dengan mengadakan sistem dan peralatan untuk makluman kepada orang ramai dan pihak-pihak yang terlibat bagi tujuan komunikasi manakala Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga memerlukan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi menaik taraf sistem koordinasi di Pusat Pengurusan Trafik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di bawah usul peraturan mesyuarat 18 Kamar Khas berkenaan kejadian banjir kilat di Kuala

Lumpur pada 12 Mei lalu, di Dewan Rakyat hari ini.

Tengku Adnan memberitahu, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan telah merekodkan jumlah taburan hujan sebanyak 106.5 milimeter dalam tempoh dua jam pada kejadian banjir kilat 12 Mei lalu.

“Paras air didapati meningkat sehingga tiga kaki (0.9 meter) di Jalan Tuanku Abdul Halim dalam masa 30 minit selepas hujan bermula manakala banjir kilat yang berlaku di Jalan Pantai Baharu di UM pula berpunca daripada limpahan air Sungai Anak Air Batu dari Kolam Rekreasi UM dan kawasan bukit hutan simpan berhampiran,” katanya.